

**JAWATANKUASA
PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN NEGERI SELANGOR**

**CADANGAN PINDAAN KEPADA
PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN NEGERI SELANGOR**

“Bahawasanya mengikut perenggan (4), Peraturan Tetap 69 bagi Dewan Negeri Selangor membuat ketetapan meminda Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor seperti draf cadangan di Kertas Mesyuarat Bilangan 18 Tahun 2016”

**CADANGAN PINDAAN KEPADA PERATURAN-PERATURAN TETAP
DEWAN NEGERI SELANGOR**

LATAR BELAKANG

Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas telah ditubuhkan pada 8 Julai 2013 dalam Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas melalui peruntukan Peraturan 69, Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dilantik untuk menganggotai Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor terdiri daripada:

- | | | |
|----|---|-----------|
| 1. | Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan
Tuan Speaker,
Dewan Negeri Selangor
(ADN Kawasan Subang Jaya) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha
(ADN Kawasan Taman Medan) | Ahli |
| 3. | Y.B. Tuan Loh Chee Heng
(ADN Kawasan Teluk Datuk) | Ahli |
| 4. | Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman
(ADN Kawasan Paya Jaras) | Ahli |
| 5. | Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail
(ADN Kawasan Seri Serdang) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Tan Pok Shyong
(ADN Kawasan Pandamaran) | Ahli |
| 7. | Y.B. Datuk Rosni binti Sohar
(ADN Kawasan Hulu Bernam) | Ahli |

Jawatankuasa ini telah pun bermesyuarat pada 13 Julai 2016 dan 22 Julai 2016 bagi membincangkan cadangan pindaan Peraturan-peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor dan sebulat suara bersetuju dengan draf cadangan pindaan tersebut seperti di **Lampiran A**.

Sehubungan itu, mengikut perenggan (4) Peraturan Tetap 69, Usul ini dibawa ke dalam Persidangan Dewan Negeri Selangor bagi membolehkan Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap Dewan mengkaji, meneliti dan membincangkan draf cadangan tersebut seterusnya menyediakan penyata kepada Dewan berhubung cadangan pindaan tersebut.



HANNAH YEOH TSEOW SUAN
Pengerusi
Jawatankuasa Peraturan-peraturan Tetap
Dewan Negeri Selangor.

22 Julai 2016

Lampiran A

Cadangan Pindaan kepada Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor

(i) Ucapan Ketua Pembangkang

Dengan meminda

Aturan urusan mesyuarat

13.(1) Urusan bagi setiap persidangan mesyuarat hendaklah mengikut aturan seperti di bawah ini kecuali jika Tuan Speaker, setelah dimaklumkan oleh Menteri Besar mengenai perubahan aturan yang perlu dibuat, menetapkan aturan yang lain:

- (a) Tuan Speaker masuk ke dalam Dewan secara rasmi;
- (b) Membaca doa;
- (c) Ahli-ahli baru mengangkat sumpah;
- (d) Titah daripada Duli yang Maha Mulia;
- (e) Pemasyhuran daripada Tuan Speaker;
- (f) Rayuan;
- (g) Pertanyaan kepada Menteri Besar;
- (h) Permintaan hendak menangguhkan Dewan kerana perkara kepentingan kepada orang ramai yang berkehendak disegerakan;
- (i) Penerangan daripada Menteri Besar;
- (j) Ucapan pujian;
- (k) Ucapan-ucapan takziah;
- (l) Memberi penerangan sendiri;
- (m) Membawa Rang Undang-undang Kerajaan ke dalam Mesyuarat;
- (n) Usul berkenaan Aturan Urusan Mesyuarat (hendaklah dikeluarkan oleh Menteri Besar);
- (o) Usul hendak mengemukakan Rang Undang-undang;

(p) Urusan am; dan

(q) Ucapan Ketua Pembangkang.

Dengan menambah

Ucapan Ketua Pembangkang

14A.(1) Ketua Pembangkang boleh pada waktu yang ditetapkan menurut Peraturan Tetap 13, berdiri di tempatnya dan memberikan ucapan beliau kepada Dewan mengikut teks ucapan yang telah dihantar terlebih dahulu kepada Speaker tidak kurang daripada dua hari sebelum persidangan mesyuarat yang hendak dikeluarkan perkara itu. Teks ucapan itu tidak boleh melebihi satu ribu perkataan dan hendaklah berkenaan dengan apa-apa perkara tadbir dalam tanggungjawab Menteri Besar dan perkara itu belum dibincangkan dalam mesyuarat yang sama dan Menteri Besar bolehlah menjawabnya.

(2) Menteri Besar hendaklah dalam masa 30 minit seterusnya memberikan jawapan dan/atau maklum balas kepada ucapan Ketua Pembangkang tersebut secara lisan dan hanya Ketua Pembangkang boleh bangun untuk mendapatkan penjelasan (jika ada).

(3) Setelah tamat perjalanan mesyuarat menurut perenggan (2), usul menangguhkan Dewan akan dikeluarkan.

(ii) Jawatankuasa Hak dan Kebebasan

Dengan meminda

Jawatankuasa Hak dan Kebebasan

70.(3) Kepada Jawatankuasa ini hendaklah diserahkan apa-apa perkara yang nampaknya menyentuh bidang kuasa, hak dan kebebasan Dewan. Adalah menjadi kewajipan atas Jawatankuasa ini menimbangkan apa-apa perkara demikian itu yang diserahkan kepadanya **termasuk deklarasi kepentingan kewangan** dan mengeluarkan penyata ke atas perkara itu kepada Dewan.

